

Kecekapan PR dipersoal

Isu banjir di Klang uji tahap urus tadbir Kerajaan Negeri

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG - Baru sepenggal Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) memerintah Selangor, dugaan bencana banjir besar yang berlaku pada Mac lalu bukan sahaja melibatkan Klang malah termasuk beberapa kawasan lain di negeri ini benar-benar menguji tahap kecekapan urus tadbir Kerajaan Negeri.

Lebih parah lagi, Parlimen Klang, Dewan Undangan Negeri (Dun) Kota Alam Shah dan Dun Pandamaran masing-masing diwakili wakil rakyat PR dipersoalkan tanggungjawab mereka oleh penduduk setempat.

Berikutan itu juga, ramai yang menyalahkan wakil rakyat tidak buat kerja dan tidak kurang juga kegagalan Kerajaan Negeri dalam mencari jalan penyelesaian.

Ujian kepada pimpinan PR

PENGERUSI Barisan Nasional (BN) Parlimen Klang merangkap Ketua Umno Bahagian Klang, Datuk Mazlynoor Abdul Latiff berkata, banjir yang melanda Klang pada Mac lalu adalah satu ujian kepada kepimpinan PR untuk berusaha mencari langkah penyelesaian.

"Memang diakui sejak sekian lama Klang tidak berdepan banjir, secara tiba-tiba ia berlaku. Saya percaya kejadian itu mempunyai kaitan dengan sistem perparitan dan juga kemudahan infrastruktur yang kurang terancang dalam daerah ini.

"Malah pembangunan dan lokasi perniagaan yang padat dengan



Mazlynoor ketika melawat beberapa kediaman penduduk di Dun Pelabuhan Klang yang rosak akibat bencana ribut, baru-baru ini.

sistem saliran yang tidak seimbang menyebabkan berlakunya gangguan kepada aliran air.

"Selain itu, kejadian itu juga mempunyai kaitan dengan kenaikan paras laut yang mendadak. Bagaimanapun ia menjadi tanggungjawab penting kepimpinan PR untuk berusaha bagi mengelak kejadian sama berulang menerusi penambahbaikan kemudahan infrastruktur di seluruh lokasi dalam daerah ini," katanya.

Dalam pada itu menurutnya, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM30 juta menerusi Kerajaan Negeri dalam usaha mengatasi masalah banjir di Parlimen Klang.

"Bagaimanapun sehingga kini kita belum pasti sama ada pelaksanaan projek ke arah mengatasi masalah banjir itu sudah dilaksanakan atau

Ramai yang sangka Kerajaan Persekutuan lepas tangan dalam usaha mengatasi masalah banjir di Parlimen ini dan Selangor memandangkan negeri ini ditadbir kerajaan PR."

Zainal Abidin



sebaliknya.

"Tapi kita harap Kerajaan Negeri yang memperuntukkan RM5.2 juta melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat menyegerakan projek yang dicadangkan agar banjir

tidak berulang lagi pada masa akan datang," katanya.

Bukti Kerajaan Persekutuan prihatin bantu rakyat

PENOLONG Penyelaras Parti Gerakan Dun Kota Alam Shah, Datuk Zainal Abidin Mohd Tahar berkata, dana RM30 juta yang disalurkan dalam mengatasi masalah banjir di Klang adalah bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan.

"Ramai yang sangka Kerajaan Persekutuan lepas tangan dalam usaha mengatasi masalah banjir di Parlimen ini dan Selangor memandangkan negeri ini ditadbir kerajaan PR.

"Anggapan itu silap kerana Kerajaan Persekutuan tetap menumpukan aspek kemudahan kepada rakyat di negeri yang dipimpin PR," katanya.

Menurutnya, Dun Kota Alam Shah antara kawasan yang terjejas teruk akibat banjir pada Mac lalu.

"Saya difahamkan RM10 juta daripada jumlah peruntukan itu membolehkan projek penebatan banjir di kawasan Telok Gadong dan projek tersebut sedang berlangsung dan diusahakan menerusi Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Manakala RM20 juta lagi membolehkan projek yang hampir sama dan dilakukan secara berkala. Kesemua projek ini difahamkan sudah bermula sebelum Ramadan dan giat dijalankan secara berterusan," katanya.

Seiring dengan pelaksanaan itu beliau berkata, Kerajaan Negeri juga harus melaksanakan segera projek mengatasi masalah banjir melalui PBT dan JPS.

"Kita khuatir jika lambat bertindak, kejadian banjir bakal berulang tambahan pula dalam keadaan cuaca yang tidak menentu kini.

"Bagaimanapun, pihak PBT harus mempergiatkan usaha mengatasi masalah sampah dan menyelenggarakan sistem saliran yang mempunyai kaitan besar dengan banjir," katanya.

Masalah sampah meruncing

SEMENTARA itu Zainal Abidin berkata, sejak perkhidmatan Alam Flora tidak lagi digunakan di Selangor dan Klang, masalah sampah dan sistem saliran dilihat semakin sukar dikawal.

"Berbeza ketika Alam Flora berfungsi, saya lihat masalah sampah lebih terurus. Malah pembahagian tugas antara Alam Flora dan PBT pada waktu itu nampak lebih sistematis.

"Kerakusan Kerajaan Negeri untuk ambil alih semua tugas daripada Alam Flora menyebabkan rakyat harus menanggung segala masalah yang wujud.

"Justeru itu, kita harap pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) nanti, rakyat harus membuat pilihan tepat memandangkan hanya Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mempunyai pengalaman dalam mengurus tadbir usaha mengatasi masalah banjir," katanya.



Bencana banjir baru-baru ini yang menenggelamkan sebahagian besar deretan kedai di Dun Pandamaran.